

IFFCO mampu buka lebih banyak peluang perniagaan kepada gerakan koperasi

Oleh MUKHRIZ MAT HUSIN

**PETALING JAYA**

**U**saha kerjasama antara Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd (Angkasa) dengan Indian Farmers Fertiliser Cooperative Limited (IFFCO) dapat membuka lebih banyak peluang perniagaan kepada gerakan koperasi di kedua-dua buah negara.

Presidennya, Datuk Seri Dr Abdul Fattah Abdullah berkata, kerjasama strategik bersama IFFCO sebagai koperasi terbaik dunia dapat memberi manfaat jangka masa panjang kepada perkembangan perniagaan koperasi di negara ini.

"IFFCO dimiliki penuh oleh badan induk koperasi di India iaitu Cooperative Societies of India dan merupakan pengilang baja terbesar di negara tersebut.

"Kerjasama ini bakal memanfaatkan koperasi yang terlibat dengan sektor perladangan, sektor pertanian dan industri asas tani di mana Angkasa akan men-

# Kerjasama Angkasa, koperasi terbaik dunia amat strategik

dapatkan bekalan baja dari IFFCO dengan harga yang berpatutan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas sesi Kunjungan Hormat Delegasi Indian Farmers Fertiliser Cooperative Limited (IFFCO) di Wisma Ungku Aziz, Kelana Jaya di sini pada Isnin.

Turut hadir adalah Pengurus Besar IFFCO, Tharun Bhargava; Pengerusi IFFCO, Dileep Sanghani; Anggota Lembaga Angkasa merangkap Ahli Lembaga ICA, Datuk Kamarudin Ismail; Anggota Lembaga Angkasa, Dr Mohd Azlan Yahya; dan Anggota Lembaga Angkasa, Datuk Che Mohd Shukree Che Isa.

Mengulas lanjut, Abdul Fattah yang juga Presiden Asean Co-operative Organization (ACO) berkata, kunjungan hormat itu juga membuktikan keyakinan koperasi dari luar negara terhadap keupayaan kepimpinan Angkasa dalam membangunkan dan menggerak-



(Dari kiri) Dr Mohd Azlan; Tharun Bhargava; Dileep Sanghani; Abdul Fattah; Kamarudin dan Che Mohd Shukree.

kan perniagaan koperasi di negara ini selama 51 tahun sejak penubuhannya.

Menurutnya, Angkasa juga turut melihat sebarang bentuk kerjasama dari segi produk dan perkhidmatan koperasi yang boleh ditawarkan kepada pihak IFFCO.

"Angkasa amat berbesar hati apabila koperasi terbaik dunia iaitu IFFCO hadir bagi mem-

bincangkan kerjasama strategik yang boleh dibangun dan dilaksanakan bagi memberi manfaat jangka panjang kepada gerakan (perniagaan koperasi) ini," ujarnya.

Sementara itu, Abdul Fattah berkata, pihaknya akan menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan IFFCO di Persidangan Ikatan Koperasi Antarabangsa (ICA)

yang bertempat di Seville, Sepanyol pada Jun ini bagi memperkenalkan kaedah 'nanofertiliser' (baja nano) di Malaysia.

"Dalam masa sama, Malaysia dan juga India akan mempertahankan jawatan dalam ahli lembaga di peringkat ICA.

"Tan Sri Noh Omar akan mengetuai delegasi dari Malaysia yang dianggarkan kira-kira 60 orang," jelasnya.